

Penerima Anugerah DiRaja

Utusan Malaysia 27/10/2014, m/s -20

Bijak membahagikan waktu belajar dengan pelbagai aktiviti kokurikulum merupakan faktor utama kejayaan Azlan Ahmad dan Wong Che Fei

Oleh MOHD. SAIFUL
MOHD. SAHAK
kampus@utusan.com.my



BIJAK membahagikan waktu belajar dengan pelbagai aktiviti kokurikulum merupakan faktor utama kejayaan dua penerima Anugerah Pelajaran Diraja, Azlan Ahmad dan Wong Che Fei pada Majlis Konvokosyen Ke-14 Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) yang diadakan baru-baru ini.

Anugerah itu disampaikan Pro-Canselor UTHM, Tunku Mahkota Johor, Tunku Ismail Sultan Ibrahim pada sidang pertama majlis konvokesyen.

Kedua-dua pelajar itu menganggap anugerah yang diterima sebagai pendorong untuk lebih cemerlang di masa hadapan dalam bidang yang diceburi.

Azlan Ahmad, 25 graduan Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal sangat aktif dalam bidang kokurikulum sejak di bangku sekolah lagi. Azlan yang merupakan Bekas Setiausaha Agung Majlis Perwakilan Pelajar UTHM ini sering melibatkan diri dalam aktiviti persatuan dan program yang dianjurkan universiti.

Anak kelahiran Ipoh, Perak ini juga sebelum ini pernah menerima beberapa anugerah seperti Anugerah Diploma Kelas Pertama, Anugerah Khas HEPA, Anugerah Nadi Negara 2013 dan Anugerah Puan Sri Sapura semasa berlangsungnya Majlis Konvokesyen Ke-11 UTHM.



TUNKU Mahkota Johor, Tunku Ismail Sultan Ibrahim (dua dari kanan) bersama dengan penerima Anugerah DiRaja, Azlan Ahmad (dua dari kiri) dan Wong Che Fei (kiri) dan penerima Anugerah Sultan Ibrahim, Mohd Hanif Mohamed (kanan) pada Majlis Konvokesyen Ke-14 UTHM di Batu Pahat, Johor, baru-baru ini.

Kini azlan sedang melanjutkan pelajaran ke peringkat Ijazah Sarjana dalam bidang yang sama.

Sementara itu bagi Wong Che Fei, 24 graduan Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan

Awam pula, minat yang mendalam terhadap bidang kejuruteraan telah mendorongnya untuk belajar dengan lebih tekun.

"Saya sangat berminat dengan

pembinaan bangunan dan memasang cita-cita untuk menjadi seorang jurutera profesional dalam bidang tersebut. Sebab itulah sebelum ini sebagai langkah awal, saya memberi tumpuan sepenuhnya dalam pelajaran," katanya.

Anak keempat daripada lima adik-beradik ini juga turut bercerita tentang kaedah pembelajaran sepanjang pengajiannya di UTHM. Wong memilih kaedah meneliti, memahami dan menghafal buku-buku yang digunakannya untuk mengulangkaji pelajaran.

Usaha gigihnya membuahkan hasil apabila berjaya meraih Anugerah Dekan selama lapan semester berturut-turut selain turut menerima Anugerah Naib Canselor semasa majlis konvokesyen berlangsung.

Di samping itu Wong turut melibatkan diri secara aktif dalam bidang kokurikulum dengan memegang beberapa jawatan antaranya Timbalan Presiden Institut Jurutera Malaysia (IEM) peringkat UTHM dan Ketua Jabatan Kebajikan dalam Persatuan Kebudayaan Tiong Hua, UTHM.

Kini Wong memulakan kerjayanya sebagai Jurutera Geoteknikal di sebuah syarikat konsultan di Singapura.

Pada majlis itu, Mohd Hanif Mohamed, 24 graduan Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Awam dan Alam Sekitar pulan, menerima Anugerah Sultan Ibrahim.

Berpegang kepada prinsip "setiap kesalahan adalah proses pembelajaran," anak muda ini bertekad untuk mencipta pelbagai kejayaan dalam bidang akademik.